

**Saya letak jawatan dalam BN demi kepentingan rakyat, kata Lajim
Malaysian Insider
29 Julai, 2012
Oleh Ida Lim**

KUALA LUMPUR, 29 Julai — Ahli Parlimen Beaufort dari Barisan Nasional (BN) Datuk Seri Lajim Ukin malam ini mengatakan beliau meletak jawatannya dalam BN untuk kepentingan rakyat.

Beliau melancarkan pergerakan politik yang mesra Pakatan Rakyat (PR), iaitu Pakatan Perubahan Sabah yang akan bertanding 17 kerusi Parlimen di Sabah.

Ketua Pembangkang Datuk Seri Anwar Ibrahim (gambar) juga berucap dalam pelancaran pergerakan parti itu di Beaufort yang dihadiri kira-kira 4,000 hingga 5,000 orang, kata Naib Presiden PKR Chua Tian Chang kepada The Malaysian Insider.

Lajim semalam berkata dia melepaskan jawatan dari ahli majlis tertinggi Umno, ketua bahagian Umno Beaufort dan pengerusi BN Beaufort, tetapi beliau telah mengekalkan keahlian Umno dan jawatannya sebagai Timbalan Menteri Perumahan dan Kerajaan Tempatan.

Hakcipta © 2012 The Malaysian Insider

Source:

<http://www.themalaysianinsider.com/bahasa/article/saya-keluar-bn-demi-kepentingan-rakyat/>

